

R B868 AAB

MAHATHIR-DOKTOR

1985
KUALA LUMPUR, 25 FEB. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI KESAL DENGAN SIKAP SEGELINTIR +DOKTOR MUDA+ YANG ENGGAN MENYENTUH PESAKIT KONONNYA DITEGAHI OLEH ISLAM DAN MEMINTA MEREKA YANG BERKENAAN MENINGGALKAN PROFESION MEREKA.

PERDANA MENTERI MENDEDAHKAN BAHAWA PERKEMBANGAN TIDAK SIHAT TELAH BERLAKU DI NEGARA INI APABILA ADA SETENGAH-SETENGAH DOKTOR MUDA MEMERIKSA PESAKIT DENGAN MENGGUNAKAN +BUNTUT+ PENSEL KERANA TIDAK MAHU SAMA-SEKALI MENYENTUH TUBUH-BADAN PARA PESAKIT.

+SAYA MEMBACA DALAM SEBUAH AKHBAR MENGENAI SIKAP SETENGAH-SETENGAH DOKTOR MUDA YANG TIDAK MAHU SAMA SEKALI MENYENTUH PARA PESAKIT. ADA DI KALANGAN MEREKA YANG MENGGUNAKAN BUNTUT PENSEL UNTUK MEMERIKSA PESAKIT KONONNYA TIDAK BOLEH SAMA SEKALI MENYENTUH TUBUH BADAN PESAKIT KERANA DILARANGI OLEH AGAMA ISLAM.+

DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN PUSAT PAKAR TAWAKAL (DARIPADA BAHASA ARAB BERMaksud BERSERAH KEPADA ALLAH) BERHARGA \$16 JUTA -- SEBUAH PUSAT PERUBATAN DI BAWAH KONSEP PENSWASTAAN DI JALAN PAHANG DI SINI.

PERDANA MENTERI MENYIFATKAN DOKTOR-DOKTOR BERKENAAN SEBAGAI BUKAN SEORANG DOKTOR SEBENARNYA KERANA IA LEBIH MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN DIRI SENDIRI DAN BUKANNYA UNTUK MEMBANTU PESAKIT.---LAGI
1332MST 25 02 85

0640

R B871 AAB

MAHATHIR-DOKTOR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENGINGATKAN:+ SAMA ADA SESEORANG DOKTOR AKAN PERGI KE SYURGA ATAU TIDAK BUKANLAH BERGANTUNG KEPADA MENYENTUHI TUBUH BADAN PESAKIT TETAPI KERANA LAYANAN YANG SEPATUTNYA DIBERIKAN OLEH SEORANG DOKTOR KEPADA SESEORANG PESAKIT.+

BELIAU TIDAK MAHU SIKAP SEDEMIKIAN MENULAR MEMANDANGKAN IA BERTENTANGAN DENGAN AJARAN ISLAM SENDIRI YANG MEMERLUKAN SETIAP DOKTOR MEMBERI RAWATAN YANG BAIK KEPADA PARA PESAKIT.

+JIKA TIDAK HENDAK MENYENTUH TUBUH-BADAN PESAKIT, LEBIH BAIKLAH MENGUNDURKAN DIRI SEBAGAI DOKTOR KERANA BIDANG KEDOKTORAN MEMERLUKAN PERHUBUNGAN RAPAT DENGAN PESAKIT.

+LEBIH RAPAT LEBIH BAIK. SESEORANG ITU BUKAN DOKTOR JIKA IA TIDAK MAHU MENYENTUH SAMA SEKALI PESAKIT,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA AGAK ANEH DOKTOR DALAM ZAMAN MODEN INI ENGGAN MENYENTUHI PESAKIT SEDANGKAN PADA ZAMAN NABI MUHAMAD SAW DAHULU SEWAKTU PERANG UHUD, RAMAI TENTERA ISLAM LUKA PARAH DAN YANG MERAWATINYA ADALAH WANITA YANG SUDAH TENTU MENYENTUH MEREKA UNTUK MEMBERIKAN RAWATAN YANG DIPERLUKAN.---LAGI
1345MST 25 02 85

D849

U B875 AAB

MAHATHIR-DOKTOR 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENJELASKAN SALAH SATU PENGAJARAN DALAM BIDANG KEDOKTORAN YANG MENJADI PANDUAN DOKTOR IALAH PERLUNYA +MELETAKKAN TANGAN ATAS TUBUH BADAN PESAKIT+ SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA RAWATAN.

DENGAN DEMIKIAN, PESAKIT MERASAI WUJUDNYA HUBUNGAN RAPAT DENGAN ORANG YANG MERAWATINYA.

+JIKA EMAK KITA SENDIRI MELETAKKAN TANGAN ATAS DAHI JIKA KITA DEMAM, INI SUATU FENOMENA PSIKOLOGIKAL YANG SEMUA FAHAM. JIKA MAK SENTUH DENGAN BUNTUT PENSEL, SAYA KURANG YAKIN KITA BERASA LEGA.+

BELIAU MEMINTA DOKTOR-DOKTOR YANG BERKHIDMAT DALAM KERAJAAN MENGIKISKAN SIFAT TIDAK MAHU MENYENTUHI PESAKIT.

+MALANGNYA, DOKTOR-DOKTOR CEKAP DAN POPULAR YANG TIDAK MENGGUNAKAN BUNTUT PENSEL MENINGGALKAN KERAJAAN UNTUK MEMBUKA KLINIK SWASTA. TETAPI YANG MEMERIKSA DENGAN BUNTUT PENSEL TIDAK LAKU DALAM SEKTOR SWASTA KERANA SIAPAKAH YANG HENDAK BERJUMPA DENGAN MEREKA KERANA MENGAMALKAN PRAKTIK SEUMPAMA ITU.+ -- LAGI.

1359MST 25 02 85

D853

R B876 AAB

MAHATHIR-DOKTOR 4 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA SUNGGUHPUN KERAJAAN MENGGALAKKAN PENSWASTAAN, TIDAK TERLALU RAMAI DOKTOR MENINGGALKAN PERKHIDMATAN KERAJAAN MEMANDANGKAN PERKHIDMATAN DOKTOR-DOKTOR PAKAR MASIH DIPERLUKAN.

KATANYA, SEBAGAI SEORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB KEPADA MASYARAKAT, DOKTOR-DOKTOR PAKAR YANG BEKERJA DENGAN KLINIK SWASTA BOLEH MEMBERI TUNJUK AJAR KEPADA DOKTOR-DOKTOR PELATIH ATAU PENUNTUT-PENUNTUT DENGAN MENJADI PENSYARAH SEPARUH MASA, PENSYARAH SUKARELA ATAU MENERIMA MEREKA MEMBUAT LATIHAN PRAKTIKAL DI KLINIK MASING-MASING.

+SEMASA SAYA MENJADI DOKTOR SWASTA DI ALOR SETAR DAHULU, SAYA SERING MENERIMA PENUNTUT YANG INGIN MEMPELAJARI SEDIKIT SEBANYAK TENTANG TUGAS DOKTOR DALAM TEMPOH SEBULAN DAN MEREKA DIBAWA BERSAMA UNTUK MEMERIKSA SI-PESAKIT.

+KITA MESTI MEMBERI PELUANG MEREKA UNTUK MENJADI TERLATIH DAN MENGENALI BIDANG YANG AKAN DICEBURI. JANGANLAH KITA TERLALU MENGAJA MEREKA TENTANG KEUNTUNGAN YANG BOLEH DIPEROLEHI DALAM KLINIK SWASTA SEHINGGA MEREKA TIDAK LAMA BERKHIDMAT DALAM HOSPITAL KERAJAAN.+

TURUT HADIR DI UPACARA ITU IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, RAJA MUDA SELANGOR, MENTERI KESIHATAN, DATUK CHIN HON NGIAN DAN KETUA MENTERI PULAU PINANG, DR. LIM CHEONG EU. -- BERNAMA.

1429MST 25 02 85